

04 JAN 2000

CERAMAH POLITIK SEMASA TERAWIH : PEMUDA UMNO ADA BUKTI

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Pemuda Umno mempunyai bukti kukuh bahawa terdapat pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan menyelitkan kegiatan politik dalam ibadat berpuasa ketika sembahyang sunat terawih.

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Hal-Ehwal Agama pergerakan itu, Abdul Wahab Din berkata, pihaknya berjaya merakamkan satu ceramah agama berunsur politik yang disampaikan ketika antara empat rakaat solat terawih, di sebuah masjid di Ampang.

Beliau telah melaporkan perkara itu kepada pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan akan menyerahkan pita rakaman terbabit dalam masa terdekat ini.

Abdul Wahab berkata tindakan pihak terbabit seperti yang didedahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi semalam bukan sahaja mencemarkan kesucian Ramadan malah boleh mengakibatkan perpecahan di kalangan umat Islam.

Katanya, pendedahan Dr Mahathir bukannya satu gimik politik yang hanya mahu memburuk-burukkan pihak tertentu tetapi lebih kepada sikap rasa tanggungjawab seorang pemimpin terhadap keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata Pemuda Umno akan membentuk satu jawatankuasa kerja untuk memantau kejadian seumpama itu di masjid-masjid sekitar Wilayah Persektuan dan Selangor.

"Kita juga meminta umat Islam supaya jangan mudah terpedaya dengan dakwah pihak tertentu yang bertindak tanpa mengambil kira perpaduan umat dan kesucian agama itu sendiri," katanya.

-- BERNAMA

AR MAI